

04/08/1997

Sarawak sedia bantu jayakan MSC

KUCHING, Ahad - Sarawak akan terus memberi perhatian lebih khusus dalam menjaya dan menyediakan pelbagai kemudahan Teknologi Maklumat (IT) di negeri ini dari semasa ke semasa, selaras pewujudan Koridor Raya Multimedia (MSC) yang diilhamkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Untuk itu, Timbalan Ketua Menteri, Datuk Dr George Chan Hong Nam, berkata kerajaan negeri akan bekerjasama rapat dengan semua pihak berkaitan pada setiap masa.

Beliau juga Menteri Kewangan dan Kemudahan Awam Negeri berkata, semua pihak sama ada kerajaan atau swasta hendaklah berganding bahu menyediakan kemudahan itu kepada pelbagai peringkat penduduk di negeri ini.

Katanya, menubuhkan Majlis Teknologi Maklumat Sarawak (SITC) oleh kerajaan negeri bagi mengurus dan menggalakkan pendekatan bersepadu dalam perancangan IT.

"Semua perbelanjaan dan pelaksanaan IT dari negeri ini adalah menerusi SITC yang memperlihatkan Sarawak adalah negeri pertama di negara ini berbuat demikian," katanya.

Dr Chan juga pengerusi SITC berkata demikian ketika merasmikan Pameran Teknologi Maklumat (IT) Pertubuhan Latihan dan Pembangunan Rantau Asia (Artdo) 1997.

Pameran tiga hari itu dianjurkan oleh Sistem Maklumat Sarawak Sdn Bhd (Sains) dengan kerjasama beberapa syarikat komputer yang berpejabat di sini.

Beliau menjelaskan adalah sesuatu yang amat merugikan negeri ini jika rakyat tidak mengambil peluang untuk memajukan diri dengan pelbagai kemajuan daripada MSC.

Tambahnya dalam keadaan dunia yang semakin berkembang dengan pelbagai kemajuan IT yang tiada sempadan, adalah perlu bagi rakyat tempatan melindungi industri IT negeri ini daripada saingan luar.

(END)